

17/05/1999

Burhanudin terbaik pendidikan khas

GURU Penyelaras Program Pendidikan Khas di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Buloh, Selangor, Burhanudin Mohd Aris, diumumkan sebagai penerima Anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas 1999 sempena sambutan Hari Guru tahun ini.

Burhanudin, 45, dilahirkan di Sungai Plong, Selangor, dan pernah mengajar pengaturcaraan komputer di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Gading, Selangor dan menjadi Penyelaras Program Pendidikan Khas di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Sultan Alam Shah (2), Petaling Jaya.

Hasil usahanya sendiri, Burhanudin mempelajari cara terapi sukan berkuda dan menubuhkan Kelab Ekuestrian di SK Sungai Buloh.

Selain itu, beliau kini sedang menyediakan kertas cadangan bertajuk 'Rancangan Terapi Sukan Berkuda Untuk Kanak-kanak Dengan Keperluan Khas' untuk pertimbangan Kementerian Pendidikan supaya dapat digunakan sebagai satu pendekatan dalam program pendidikan khas.

Beliau menerima hadiah berupa cenderamata dan sijil dalam majlis pelancaran Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 1999 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Mines Exhibition Centre, Sungai Besi, semalam.

Sementara itu, Johan Anugerah Sekolah Harapan Negara 1999 bagi kategori Sekolah Rendah Bandar pula ialah SK Zainab (2) di Kota Bahru diikuti SK Bukit Beruang di Melaka (Naib Johan Pertama) dan SK Sungai Nyior, Butterworth pula (Naib Johan Kedua).

Bagi kategori Sekolah Rendah Luar Bandar pula, SK Kuala Kubu Bahru (1) di Selangor muncul sebagai Johan, SK Jejawi, Arau (Naib Johan Pertama), dan SK Keruh, Perak (Naib Johan Kedua); kategori Sekolah Menengah Bandar - SMK (A) Naim Lil Banat, Kota Bahru (Johan), SMK Jinjang, Kuala Lumpur (Naib Johan Pertama), dan SMK (P) Raja Zarina, Selangor (Naib Johan Kedua); serta kategori Sekolah Menengah Luar Bandar - SMK Pei Hwa, Johor (Johan), SMK Paya Besar, Kuantan (Naib Johan Pertama), dan SMK Dang Anum, Melaka (Naib Johan Kedua).

Semua pemenang terbabit menerima hadiah berupa cenderamata dan sijil.

Seterusnya, Johan Keseluruhan Anugerah Guru Inovatif 1999 pula ialah Indar Jeet Kaur a/p Badan Singh dari SK Pasir Gajah, Kelantan, dengan projek bertajuk 'English Through Environment'.

Bagi kategori individu (sekolah rendah) anugerah itu, johan ialah Indar Jeet Kaur diikuti Che Jamaliah Md Sidek dari SK Singkir, Kedah, sebagai Naib Johan dengan projek bertajuk 'Program Cemerlang', dan Md Radzi Misran (SK Rawang, Selangor - Ketiga) dengan projek 'Pakej Celik Bacaan'.

(END)